



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Penyeragaman Kadar Sewa Kemudahan Untuk  
Institusi-Institusi Latihan Awam (ILA)  
Di Malaysia**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PENGURUSAN WANG AWAM.....</b>	<b>2</b>
<b>WP10.7 Penyeragaman Kadar Sewa Kemudahan Untuk     Institusi Latihan Awam (ILA) Di Malaysia .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Latar belakang .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Kadar Sewa Kemudahan di Institut Latihan Awam (ILA) di Malaysia</b>	<b>2</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>3</b>

## PENGURUSAN WANG AWAM

### WP10.7 Penyeragaman Kadar Sewa Kemudahan Untuk Institusi Latihan Awam (ILA) Di Malaysia

#### 1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan memberikan garis panduan mengenai penyeragaman kadar sewa kemudahan untuk institusi-institusi latihan awam (ILA) di Malaysia.

#### 2. Latar belakang

- 2.1 Kerajaan telah melancarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy* - NBOS) yang merupakan satu landasan di mana inisiatif-inisiatif berimpak tinggi dengan kos yang optimum dilaksanakan.
- 2.2 Di bawah inisiatif NBOS 7: *1Malaysia Training Centre*, Kerajaan telah bersetuju agar semua institusi latihan awam berkongsi prasarana dan kemudahan latihan.
- 2.3 Mesyuarat NBOS pada 7 Mac 2013 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah bersetuju untuk menyeragamkan kadar sewa kemudahan institut latihan awam (ILA) di Malaysia.

#### 3. Kadar Sewa Kemudahan di Institut Latihan Awam (ILA) di Malaysia

- 3.1 Semua ILA **tidak mengenakan bayaran sewa** kepada agensi kerajaan dan badan-badan berkanun yang ingin menggunakan kemudahan mereka. Takrifan kemudahan adalah seperti [Lampiran A](#).
- 3.2 Agensi swasta yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan di ILA **dikenakan kadar sewa 50% daripada pasaran semasa seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta**.
- 3.3 Bagi ILA yang telah mewartakan kadar sewa di bawah Akta Fi 1951 atau mana-mana Akta lain, adalah menjadi tanggung jawab agensi induk tersebut mengambil tindakan untuk mewartakan kadar baru sebagaimana yang diperlukan di bawah akta-akta tersebut.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A

### Takrifan Kemudahan Di Institusi Latihan Awam

1. Bilik Mesyuarat
2. Bilik Kuliah
3. Bilik Seminar
4. Makmal Komputer
5. Bengkel
6. Dewan
7. Auditorium
8. Kemudahan Sukan dan Rekreasi
9. Penginapan
10. Peralatan Komputer
11. Peralatan Audio Visual
12. Kenderaan
13. Kerusi/Meja